Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
ARAS 2, ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

"BUAT KERJA"

Telefon : 03-88803500
Faks : 03-88803954
Laman Web : http://www.kehakiman.gov.my

Ruj Tuan :

Ruj. Kami (47) PMT/UU/4/3

Tarikh : 13 Mac 2009

Semua Pengurus Pusat Tanggung Jawab (PTJ)
seluruh Semenanjung Malaysia

Tuan/ Puan,

PEKELILING PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI MALAYA BIL. 1/2009

PANDUAN PEMFAILAN DERAF PERINTAH /PENGHAKIMAN DAN PERINTAH /PENGHAKIMAN BERSIH DALAM PROSIDING DI MAHKAMAH-MAHKAMAH SEMENANJUNG MALAYSIA

Adalah saya dengan segala hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

2. Adalah diminta jasa baik tuan/puan untuk mengedarkan Pekeliling Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bil 1/2009 ini kepada semua pegawai di bawah seliaan tuan termasuk pegawai-pegawai di Mahkamah Tinggi.

3. Kerjasama dan tindakan awal dari pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai di dahului dengan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ABU BAKAR BIN KATAR)
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman, Putrajaya

TERIMA
16 MAR 2009
UNIT PERPUSTAKAAN

En. Rizal,
Utk tindakan.
Tk.
17/3

"BUAT KERJA"

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
ARAS 2, ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500
Faks : 03-88803954
Laman Web : http://www.kehakiman.gov.my

"BUAT KERJA"

Ruj Tuan :
Ruj. Kami (47) PMT/UU/4/3
Tarikh : 13 Mac 2009

MAHKAMAH TINGGI MALAYA

Tuan/ Puan,

PEKELILING PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI MALAYA BIL. 1/2009

PANDUAN PEMFAILAN DERAF PERINTAH /PENGHAKIMAN DAN PERINTAH /PENGHAKIMAN BERSIH DALAM PROSIDING DI MAHKAMAH-MAHKAMAH SEMENANJUNG MALAYSIA

Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya mengarahkan bahawa bagi tujuan mempercepatkan urusan pengeluaran perintah/ penghakiman deraf dan bersih bagi kes-kes di Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret Semenanjung Malaysia amalan-amalan berikut hendaklah diikuti :

(a) Semua permohonan bagi perintah/penghakiman persetujuan hendaklah disertai dengan perintah-perintah deraf berkenaan untuk diluluskan dengan serta merta oleh Mahkamah ketika perbicaraan kes berkenaan.

(b) Apabila permohonan saman dalam kamar (ex parte) atau notis permohonan (ex parte) difailkan, pihak berkenaan atau peguam bagi pihak yang memfailkan permohonan itu hendaklah pada masa yang sama memfailkan deraf perintah dalam **dua (2) salinan** yang mesti dikepilkan bersama-sama dengan permohonan itu. Sekiranya permohonan itu teratur, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar atau Majistret akan meluluskan deraf perintah dan mengembalikan kepada peguam berkenaan dengan serta merta.

(c) Melainkan deraf perintah yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) di atas, peguam hendaklah **menyerahkan dua (2) salinan** deraf perintah/penghakiman berserta dengan surat iringan dalam masa tidak lewat **tujuh (7) hari** dari tarikh luput pengesahan persetujuan dari kedua-dua belah pihak.

(d) Deraf perintah/penghakiman **MESTILAH** mengikut borang sebagaimana yang ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980. Bagi setiap perkataan hendaklah dieja secara penuh dan tidak boleh diringkaskan. Contohnya bagi perkataan "Haji" tidak boleh ditulis

"BUAT KERJA"

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

sebagai "Hj". Bagi nama pula hendaklah mengikut ejaan nama sebagaimana tercatit dalam Kad Pengenalan.

(e) Mana-mana deraf perintah/penghakiman yang tidak mengikuti borang yang ditetapkan akan dikembalikan **TANPA DIPERBETULKAN** oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah.

(f) Pihak-pihak adalah bertanggungan untuk mempastikan nama Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar dan Majistret adalah betul dan nama peguam yang hadir serta rujukan kepada afidavit yang berkenaan adalah teratur kerana Pejabat Pendaftaran Mahkamah **TIDAK AKAN MEMPERBETULKANNYA** bagi pihak peguam tetapi akan mengembalikannya semula kepada peguam.

(g) Deraf perintah/penghakiman **akan diluluskan** selewat-lewatnya **empat (4)** hari daripada tarikh ianya diterima.

(h) Sekiranya deraf perintah/penghakiman masih belum diterima dalam tempoh yang dinyatakan di perenggan (g), peguam dikehendaki berhubung terus dengan Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar/ Pendaftar Mahkamah Sesyen dan Majistret untuk mengetahui status deraf perintah/penghakiman yang telah difailkan.

(i) Salinan perintah bersih/penghakiman hendaklah difailkan oleh peguam dalam masa **tujuh (7)** hari dari tarikh deraf yang diluluskan diterima dan perintah /penghakiman bersih akan dimeterai, ditandatangani oleh pegawai yang berkaitan dan dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah dalam masa **empat (4)** hari berkerja.

(j) Bagi deraf perintah/penghakiman yang dikembalikan tanpa diluluskan kepada peguam untuk pindaan, deraf tersebut hendaklah dikembalikan semula dalam masa **tiga (3)** hari dari tarikh penerimaan dan perkiraan tempoh masa seterusnya adalah dari tarikh deraf itu diterima semula oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah.

(k) Salinan yang diakui sah hanya akan disahkan dari **salinan asal perintah bersih/penghakiman yang telah dimeterai dan ditandatangani** dan perlu dikemukakan sendiri oleh pihak-pihak setelah bayaran tertentu dibuat.

(l) Arahan Amalan ini hanya terpakai kepada perintah/penghakiman yang akan dikeluarkan oleh Mahkamah pada dan selepas **1 April 2009**. Arahan Amalan No: 2 tahun 1986, Arahan Amalan No:10 tahun 1987 dan Arahan Amalan No: 6 tahun 1990 adalah dengan ini adalah dibatalkan.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

(ABU BAKAR BIN KATAR)
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman, Putrajaya.

Kepada :

Jabatan Peguam Negara
Parcel C, Blok C3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Putrajaya

Presiden
Majlis Peguam
No. 5, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

Salinan kepada :

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

Y.A.A. Presiden
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi
Jalan Gersik
Petrajaya
93050 Kuching

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi
Jalan Gersik
Petrajaya
93050 Kuching

Perpustakawan
Perpustakaan Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya